MAᶜALIM AL-QURAN WA AL-SUNNAH

*Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*
Vol. 17, No. 2, (2021), pp. 20-44
ISSN: 1823-4356 ǀ eISSN: 2637-0328
Submission date: 6 September 2021
Accepted date: 11 October 2021

# AUTENTIKASI HADITH-HADITH KITAB AL-NIKAH DARIPADA KITAB BULUGHUL MARAM KARYA AL-HAFIZ IBN HAJAR AL-ASQALANI

# THE AUTHENTICITY OF HADITH IN AL-HAFIZ IBN HAJAR AL-ASQALANI'S BULUGH AL-MARAM: A STUDY ON KITAB AL-NIKAH

**Mohd Muhiden Abd Rahman**
Akademi Pengajian Islam Pusat Pendidikan Universiti Malaya 16350 Bachok Kelantan.
Email: muhiden@um.edu.my

**Mohd Bakhit Haji Ali**
Akademi Pengajian Islam Pusat Pendidikan Universiti Malaya 16350 Bachok Kelantan.
Email: bakhit@um.edu.my

## ABSTRACT

Falsification of hadiths has spread tremendously among society as the dissemination of fabricated hadiths has been normalised among the public and Islamic and religious scholars. This issue is not a new phenomenon but has been evolving since the hadiths were transmitted orally and developed through writing such as books and so on. It is also a well-known fact that hadith scholarship's contribution via writings includes written materials from the current and past Islamic and religious scholars, including Siamese scholars. This article aims to discover the authenticity of hadiths in 'Kitab al-Nikah' from the book of 'Bulughul Maram min Adillat al-Ahkam' written by al-Hafiz ibn Hajar (m. 852H). Even though al-Hafiz Ibn Hajar mentioned the majority of the sources for the hadiths, yet there are some hadiths which sources are left unmentioned. He also divided the hadiths into thematic points, although few hadiths have not been categorised under suitable themes. All of the hadiths will be analysed in terms of their authenticity, *tanasub* and suitability in terms of *nikah*. In order to identify the status and authenticity of the hadiths, a specific method will be used: *takhrij* (retrieval) based on the theme of the hadiths. A descriptive method will be used to analyse the hadiths in the *tanasub* point of view and the suitability of the hadith towards certain themes. The research showed that 86% of the hadiths found in 'Kitab al-Nikah' are authentic and based on authorised and *muktabar* books of hadiths. In addition, 95% of the hadiths chosen were relevant and suitable with the theme of *nikah*.

**Keywords:** Authentic, *takhrij*, analysis, authority, *tanasub*.

MA^cALIM AL-QURAN WA AL-SUNNAH

Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah
Vol. 17, No. 2, (2021), pp. 20-44
ISSN: 1823-4356 | eISSN: 2637-0328
Submission date: 6 September 2021
Accepted date: 11 October 2021

## 1. PENGENALAN

Al-Hadith sebagaimana disepakati ulama adalah sumber kedua selepas al-Quran, namun dari segi autoriti dan autentikasi al-Hadith tidak sama dengan al-Quran. Al-Quran tidak boleh dipertikai autoriti dan autentikasinya kerana kesemua ayat-ayat al-Quran adalah mutawatir. Sementara hadith kesemuanya dikategorikan sebagai zanniyat al-Thubut kecuali hadith mutawatir yang dikategorikan sebagai qat`iyyat al-Thubut. Oleh itu lahir pelbagai disiplin ilmu dalam Mustalah al-Hadith bertujuan mevarifikasi hadith-hadith berkenaan sehingga ia diklasifikasi kepada hadith sahih, hasan dan daif. Justeru perlu satu usaha bagi mengenal pasti autoriti dan autentikasi hadith-hadith tersebut dengan berpandukan kepada penilaian yang dibuat oleh ulama hadith yang berautoriti. Autentikasi hadith terutama hadith-hadith hukum ini amat perlu untuk dijadikan sebagai teks pengajian hadith dan juga bahan bacaan bukan sahaja kepada pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi, tetapi juga sebagai panduan umum kepada masyarakat Islam. Meskipun kitab-kitab turath yang dihasilkan oleh ulama silam terutamanya ulama hadith kebanyakannya mengikuti metode penulisan hadith dengan menyatakan sumber ambilan hadith tetapi tidak kesemua hadith dinyatakan statusnya. Salah sebuah hasil karya ulama silam yang dihasil oleh ulama hadith ialah Kitab `Bulughul Maram Min Adillat al-Ahkam' hasil karya al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani (m. 852H). Kitab ini merupakan kitab Hadith Ahkam yang disusun mengikut topik atau tema fiqh. Kitab ini tidak dikategorikan sebagai kitab sumber asal hadith kerana penulisnya tidak meriwayat hadith dengan sanadnya.[1] Meskipun penulisnya berusaha memuatkan hadith-hadith yang sahih dan sesuai dengan tema yang ditetapkan serta mematuhi metode penulisan hadith, namun terdapat juga beberapa hadith yang tidak dinyatakan statusnya. Oleh itu satu usaha perlu dilakukan bagi menyemak status hadith-hadith yang tidak dinyatakan statusnya agar dapat memberi keyakinan kepada pembaca tentang autentikasi dan autoriti hadith-hadith tersebut. Kajian ini bertujuan melihat autentikasi hadith-hadith Kitab al-Nikah dari Kitab Bulughul Maram. Selain itu tanasub atau kesesuaian hadith yang dipilih dengan tema juga akan dilihat agar dapat memberi kefahaman sebenar kepada dimensi hadith.

### Ilmu Takhrij Hadith

Sebelum membincangkan mengenai autentikasi hadith, perlu dijelaskan terlebih dahulu berkenaan ilmu takhrij hadith. Ini kerana ilmu takhrij mempunyai signifikan yang tersendiri kerana ia merupakan instrument terpenting dalam proses semakan sumber ambilan dan penilaian status sesebuah hadith. Secara etimologi perkataan takhrij berasal dari kalimah خرج yang bererti keluar atau memperlihatkan dan menzahirkan.[2] Secara terminologinya, para sarjana hadith berbeza pendapat tentang maksud takhrij. Mengikut Ibn al-Solah, takhrij adalah sama dengan tasnif yang bermaksud mengeluar atau meriwayat hadith-hadith mengikut topik-

[1] Mahmud al-Tahhan (1996). *Usul al-Takhrij wa Dirasat al-Asanid*, Riyadh, Maktabah al-Ma`arif, 12.
[2] Sultan Sanad al-Akaliyah *et al* (1999). *al-Wadih Fi Fann al-Takhrij Wa Dirasat al-Asanid*, Amman, Jordan. al-Dar al-Alamiyah Li al-Nasyr wa al-Tauzi`, 13. Muhammad Abu al-Laith al-Khair Abadi (2003). *Takhrij al-Hadith - Nasy`atuhu Wa Manhajiyyatuhu*, UIAM, Kuala Lumpur, Dar al-Syakir, 5.

topik tertentu seperti topik fiqh dan sebagainya. Dengan kata lain takhrij bermaksud mengeluarkan hadith berdasarkan tematik.[3] Manakala al-Sakhawi mengatakan takhrij merujuk kepada praktis ahli hadith bagi mengenalpasi hadith sama ada dari karya-karya hadith atau lain-lain, memberi komentar dan menjelaskan siapakah lagi yang meriwayat hadith tersebut dari karya.[4] Mengikut al-Munawi, takhrij bermaksud usaha menunjukkan sesuatu hadith kepada karya yang ditulis tokoh hadith setelah dilakukan pemeriksaan yang teliti terhadap keadaan hadith dan perawinya. Beliau menjelaskan bahawa "pemeriksaan yang teliti" menunjukkan suatu proses yang lebih kepada menisbahkan (عزو) hadith semata-mata[5]. Barangkali pengertian al-Munawi lebih menepati makna takhrij yang diinginkan sarjana hadith khususnya di sisi ulama` muta'akkhirin. Mahmud al-Tahhan menambah definisi al-Munawi dengan "menjelaskan statusnya ketika diperlukan." Muhammad Abu al-Layth mendefinisikan takhrij sebagaimana yang diaplikasi pada hari ini sebagai suatu ilmu yang membahaskan mengenai prinsip dan metode yang memudahkan capaian kepada kedudukan hadith, mengenalpasti mutabaah dan syawahid daripada sumber asal dan tidak asal seterusnya menjelaskan hukum dan darjat hadith samada diterima atau ditolak[6]. Dewasa ini, berlaku salah faham di kalangan penuntut ilmu hadith yang meletakkan takhrij dan menisbahkan (عزو) dengan maksud yang sama. Dari perbincangan di atas, jelaslah bahawa takhrij merupakan proses yang jauh lebih teknikal berbanding sekadar menisbahkan hadith kepada sumbernya yang asal[7]. Maka difahami takhrij adalah proses menyingkap dan menjelaskan sesuatu, iaitu menyatakan sumber asal ambilan hadith, kemudian menjelaskan status hadith tersebut.

Perhatian khusus diberikan kepada ilmu takhrij menunjukkan kepentingannya dalam proses autentikasi hadith. Ini kerana adalah mustahil untuk mengetahui kedudukan dan mengesahkan status sesebuah hadith tanpa melalui proses takhrij. Hal demikian kerana proses takhrij berfungsi mengumpul jalur-jalur periwayatan hadith yang darinya diketahui syawahid dan mutaba'ah. Hasil analisis pada keduanya pula akan mengindikasikan kepada kekuatan dan kelemahan sesebuah hadith sekaligus dapat dikenalpasti darjat dan status hadith. Dengan takhrij juga dapat mengenalpasti sumber ambilan hadith yang diriwayatkan secara bersanad oleh ulama hadith[8]. Oleh itu dapatlah difahami bahawa ilmu takhrij adalah satu disiplin ilmu yang bertujuan mengenalpasti hukum sesebuah hadith dan pengetahuan tentangnya secara automatik menjadi asas kepada autentikasi dan ketulenan sesebuah hadith juga. Dengan itu setiap mereka yang terlibat dengan syariat samada secara langsung atau tidak langsung amat memerlukan pengetahuan berkaitan dengan ilmu takhrij, malah hendaklah menguasainya dengan baik. Kegagalan memahami dan menguasai ilmu takhrij boleh meyebabkan tersebarnya hadith-hadith daif malah yang mawdu` dan tidak diketahui asal asulnya. Ilmu yang berbentuk

[3] Ibn al-Solah (1986). *Ulum al-Hadith -Muqaddimah Ibn al-Solah-*, tahqiq Dr Nuruddin `Itr, Dimasyq, Dar al-Fikr, 253.
[4] Al-Sakhawi (1426). *Fath al-Mughith*, Tahqiq Dr Abdul Karim al-Khudair *et al*, Riyadh, Darl al-Minhaj, 3:330.
[5] Al-Munawi (1971). *Faid al-Qadir Syarh al-Jami` al-Saghir*, Beirut, Dar al-Ma`rifat, 1:27.
[6] Muhammad Abu al-Laith al-Khair Abadi (2003), *op.cit*, 5
[7] Sultan Sanad al-Akaliyah *et al* (1996), *op.cit*, 16.
[8] Mahmud al-Tahhan (1996), *op.cit*, 10.

*Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*
Vol. 17, No. 2, (2021), pp. 20-44
ISSN: 1823-4356 ǀ eISSN: 2637-0328
Submission date: 6 September 2021
Accepted date: 11 October 2021

kaedah dan kemahiran ini juga terdedah kepada perkembangan semasa sesuai dengan kemajuan teknologi dan ledakan informasi maklumat yang mengutamakan penggunaan komputer. Justeru seiring dengan meluasnya perkembangan teknologi komputer, maka beberapa program pendigitalan hadith mula diperkenalkan. Beberapa perisian atau software program hadith telah dibangunkan bertujuan memudahkan usaha pengesanan dan pengesahan hadith. Program ini memberi sumbangan yang cukup signifikan bagi pengkaji hadith sehingga ia menjadi salah satu kaedah dan metode yang digunakan bagi mentakhrij sesebuah hadith. Malah pembangunan website dan perisian hadith telah menjadi semakin penting dalam perkembangan pengajian hadith dan proses penyemakan. Hal demikian kerana medium internet menjadi tempat rujukan yang lebih cepat dan pantas, serta mampu menyediakan platform kepada kepelbagaian maklumat berkaitan dengan hadith.[9]

## Autentikasi Hadith

Menurut Kamus Dewan perkataan `autentik` bermaksud `sesuatu yang dipercayai, dapat dijadikan pegangan, asli, benar dan bukan rekaan dan palsu.[10] Autentikasi pula merupakan proses atau tindakan membuktikan sesuatu sebagai benar, asli dan sah serta boleh dipercayai. Sementara autentikasi hadith bermaksud menyemak teks dan status hadith dari sebarang unsur penyelewengan serta memeriksa statusnya sama ada maqbul atau mardud, sahih, hasan, daif atau mawdu`. Walaupun Hadith Nabi SAW bersumberkan wahyu, namun tidak semuanya memberi implikasi perundangan atau syariat. Sehubungan itu, penyemakan hadith boleh memberi kefahaman sebenar kepada dimensi hadith sama ada ia membawa kepada implikasi perundangan ataupun tidak.

Meskipun al-Quran dan al-Hadith adalah sumber utama kepada syariat Islam. Namun antara keduanya ada persamaan dan perbezaan. Persamaannya adalah kedua-dua bersumberkan wahyu Allah SWT, sementara perbezaannya ialah al-Quran adalah sumber pertama dan al-Hadith sumber kedua. Selain itu al-Quran dijamin oleh Allah SWT akan kesucian dan ketulenannyan sedangkan al-Hadith tiada jaminan daripada Allah SWT. Sebaliknya diserah tugas memelihara kesucian dan ketulenan al-Hadith kepada para ulama`. Justeru tidak kesemua hadith adalah sahih atau autentik sebagaimana ayat al-Quran yang kesemuanya adalah autentik kerana kemutawatirannya. Oleh itu setiap hadith perlu pembuktian apakah ia benar-benar daripada Rasulullah SAW atau tidak. Pelbagai riwayat dan versi hadith yang terdapat dalam kitab-kitab hadith sama ada kitab-kitab klasik maupun moden. Semua itu perlu kepada tauthiq atau autentikasi bagi mengenalpasti kesahihannya kecuali hadith-hadith yang diriwayatkan oleh penulis yang menetapkan hanya hadith-hadith sahih sahaja seperti Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim. Oleh itu proses verifikasi sesebuah hadith adalah suatu keperluan dan kemestian.[11]

---

[9] Zulfahmi Alwi (2010). Metodologi Takhrij al-Hadis, *Jurnal Tahdis*, *1*(1), 18.
[10] Kamus Dewan Edisi Baru (1991). Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Pustaka, 66.
[11] Muh. Zuhri (2004). Autentisitasi Dan Otoritas Hadis Dalam Keilmuan Muslim Dan Sarjana Barat, *Jurnal Tarjih* 7 (1), 2-3. Retrived from https://jurnal.tarjih.or.id/index.php/tarjih/article/view/56

Vol. 17, No. 2, (2021), pp. 20-44
ISSN: 1823-4356 | eISSN: 2637-0328
Submission date: 6 September 2021
Accepted date: 11 October 2021

Proses meverifikasi dan mengautentikasi hadith merupakan satu praktis yang telah berlaku sejak dari zaman sahabat Nabi SAW lagi. Mereka bersikap ragu-ragu untuk menerima sesebuah hadith sebelum melakukan pengesahan dan penyiasatan lanjut mengenainya. Saidina Abu Bakar ra contohnya, menolak untuk menerima mana-mana hadith yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja melainkan setelah disahkan hadith tersebut oleh sahabat lainnya. Sejarah menunjukkan bahawa proses penerimaan hadith yang ketat dan pengesahan ini telah dipraktikkan juga oleh sahabat-sahabat lain seperti Umar al-Khattab, Uthman bin Affan, Ali b. Abi Talib ra dan lain-lain lagi.[12] Selain menggunakan metode penerimaan hadith yang ketat, mereka juga mengimplementasikan beberapa kaedah verifikasi hadith seperti membanding hadith-hadith yang diriwayatkan dengan ayat al-Qur'an, melakukan pemeriksaan silang dengan makna hadith lainnya, menuntut persaksian bersumpah dari perawi hadith, menguji perawi dengan riwayatnya itu, menyoal siasat perawi berkenaan riwayatnya, melakukan rihlah atau pengembaraan bertujuan pengesanan dan pengesahan hadith, mengesahkan satu riwayat hadith dengan riwayat perawi lainnya dan sebagainya.[13] Semua ini dilakukan atas dasar kefahaman mereka yang mendalam terhadap kedudukan Sunnah sebagai sumber kedua dalam agama yang tidak boleh dikompromi dengan sebarang kesilapan periwayatan, apatah lagi melibatkan status hadith yang lemah dan palsu.

Justeru pada kurun berikutnya, iaitu sekitar kurun keempat Hijrah, proses autentikasi hadith menjadi semakin penting disebabkan penyebaran hadith-hadith palsu kesan dari pergolakan politik yang berlaku yang berpunca dari fitnah yang berlaku. Memelihara autentikasi hadith dari pemalsuan merupakan matlamat utama pada waktu itu. Sarjana Islam mula menghasilkan beratus-ratus karya yang menyumbang ke arah memelihara kesucian dan ketulenan hadith. Mereka juga mencipta dan mengembangkan disiplin ilmu yang khusus dalam ilmu hadith bertujuan meverifikasi kedabitan perawi seterusnya mengenalpasti autentikasi hadith seperti ilmu al-Jarh wa Ta'dil dan Tarikh al-Ruwat dan sebagainya.[14] Mengauntentikasi teks Hadith dari penyelewengan dan pemalsuan dilakukan dengan membandingkan antara naskah-naskah hadith dan kenyataan para ulama hadith sebagaimana dicadangkan Abdullah bin al-Mubarak.[15] Sedangkan bagi meverifikasi status sesebuah hadith, kaedah takhrij mestilah digunakan bagi membedah siasat sifat perawi yang meriwayat hadith serta untuk mengetahui kewujudan syawahid atau mutaba'at yang menyokong hadith. Selain itu, keabsahan matan hadith juga hendaklah dibandingkan dengan ayat al-Qur'an sebagaimana dilakukan Umar al-Khattab ketika menolak hadith Fatimah binti Qais ra dalam permasalahan nafkah wanita yang

[12] Muhammad Ajjaj al-Khatib (1980). *al-Sunnah Qabl al-Tadwin*, Beirut, Labenon, Dar al-Fikr, 112-116. Mustafa al-Siba`i (2000), *al-Sunnah Wa Makanatuha Fi al-Tasyri` al-Islami*, Beirut, Labenon, al-Maktab al-Islami, 83-85. Lihat juga Abdul Hakim Wahid (2017). *Autentisitas Hadis Nabi: Studi Riwayat Nafi' Mawla Ibn Umar dalam Kitab al-Sahihayn*, Institusi Respositary UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2-3. Retrieved form https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/handle/123456789/36719.
[13] Ali Mustafa Yaqub (2004), *Kritik Hadis*, Jakarta, Pustaka Firdaus, 126-128.
[14] Mohd Muhiden Abd Rahman (2017). *al-Madkhal Ila ulum al-Hadith*, Kota Bharu Kelantan, Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, 21-22.
[15] Mustafa al-Siba`i (2000). *op.cit*, Beirut, Labenon, Dar al-Warraqq, 83-84.

diceraikan.[16] Sarjana hadith seperti al-Mu'allimi, Abu Hatim al-Razi dan al-Khatib al-Baghdadi berpendapat logik yang sihat juga boleh digunakan bagi mengautentikasi hadith.[17] Namun, pendekatan rasional atau logik memainkan peranan yang agak terhad dalam menerima atau menolak sesebuah hadith, malah dalam kebanyakan kes ia merupakan pendekatan yang tidak relevan sama sekali.[18] Kesimpulannya, proses autentikasi hadith adalah suatu proses yang penting bagi menyemak sesebuah hadith sebelum ia diamalkan atau dijadikan hujah. Setiap Muslim perlu meverifikasi hadith yang diterima sebelum dijadikan hujah atau dipraktiskan.

## 2. METODOLOGI

Kajian ini akan memfokuskan kepada dua aspek. Pertama tentang autentikasi hadith-hadith Kitab al-Nikah dan kedua tentang tanasub atau kesesuaian hadith-hadith dalam Kitab al-Nikah. Memang kesemua hadith-hadith dalam Kitab Bulughul Maram dinyatakan sumber ambilan hadith, namun ia tidak dinyatakan secara detail sebagaimana kaedah takhrij hadith. Apatah lagi tidak kesemua hadith dinyatakan status atau hukumnya. Justeru bagi mengenalpasti autentikasi hadith-hadith Kitab al-Nikah pengkaji akan mentakhrij semua hadith berkenaan dengan menggunakan dua kaedah takhrij. Oleh kerana subjek kajian merupakan hadith-hadith dalam 'Kitab al-Nikah', maka metode takhrij yang akan digunakan ialah takhrij melalui tema hadith dan pangkal hadith. Bagi melancarkan lagi proses takhrij ini, pengkaji akan menggunakan perisian atau program digital library yang merupakan salah satu kaedah takhrij terkini.[19] Melalui konsep digital library perisian al-Maktbah al-Syamilah akan dijadikan sebagai intrumen kajian. Ini kerana al-Maktabah al-Syamilah merupakan program digital library terbaik dan lengkap. Bahkan, ia juga mempunyai fasiliti pencarian informasi yang sangat mudah, cepat dan berkesan.[20] Setelah sumber asal hadith dikenalpasti, barulah dirujuk dan disemak di dalam kitab asal.

Sementara penjelasan tentang status hadith akan dilakukan terhadap semua hadith dengan berpandukan kepada penilaian yang dibuat oleh beberapa ulama hadith yang berautoriti. Sekiranya hadith tersebut didapati dalam al-Sahihain, iaitu Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, maka hadith tersebut akan dihukum sahih. Sekiranya sesebuah hadith itu terdapat di dalam kitab selain dari al-Sahihain seperti Sunan al-Arba`ah, Musnad Ahmad, Muwatta` Malik, Mustadrak al-Hakim dan lain-lain, maka akan diambil kira hukum hadith yang dinyatakan oleh al-Hafiz Ibn Hajar atau pandangan ulama-ulama hadith yang berautoriti dalam bidang hadith seperti Abu Hatim al-Razi, Abu Daud, al-Tirmidhi, al-Hakim,

[16] Muslim (t.t), *Sahih Muslim*, Tahqiq Muhammad Fuad Abd al-Baqi, Kitab al-Talaq, Bab al-Mutallaqah Thalathan La Nafaqat Laha, no hadith 1480, Beirut, Dar Ihya` al-Turath al-Arabi, 2: 112.
[17] Ali Mustafa Yaqub (2004), *op.cit*, hal.128
[18] Ibid, 128-130.
[19] Sultan Sanad al-Akaliyah *et al* (1999), *op.cit*, 145.
[20] Khader Ahmad 2019. Digitalisasi Hadith Di Malaysia Analisis terhadap Keperluan kriteria Pembangunan Website Dan Software Hadith, dalam *Conference Proceeding ICONIMAD 2019 International Conference on Islam in Malay World IX, Krabi, Thailand*, 336.

معالم القرآن والسنة
MA`ALIM AL-QURAN WA AL-SUNNAH

*Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*
Vol. 17, No. 2, (2021), pp. 20-44
ISSN: 1823-4356 | eISSN: 2637-0328
Submission date: 6 September 2021
Accepted date: 11 October 2021

al-Munawi, al-Nawawi, al-Syaukani, al-Suyuti, al-`Uqaili, al-`Ajluni dan tidak ketinggalan juga ulama semasa, seperti al-Albani, Syu`aib al-Arna'ut dan Abd al-Qadir al-Arna'ut.

Sementara metode yang digunakan bagi menilai tansub atau kesesuain hadith dalam tema al-Nikah ialah metod deskriptif dan comparatif. Di mana hadith-hadith akan dianalisis kandungannya, kemudian akan dibuat perbandingan kedudukan hadith tersebut dalam sumber asalnya. Seterusnya pengkaji akan membuat kesimpulan tentang kesesuaian hadith tersebut dalam tema yang dibincangkan.

**Kitab Bulughul Maram**

Nama lengkap kitab ialah *Bulugh al-Maram min Adillat al-Ahkam* hasil karya al-Hafiz Syihabuddin Abu al-Fadl Ibn Hajar al-`Asqalani yang dilahirkan pada 22 Sya'ban 773 H di Kaherah, Mesir. [21] Kitab ini di antara kitab *Hadith Ahkam* yang paling masyhur bukan sahaja di kalangan para penuntut ilmu, malah di kalangan para ulama. Ia mempunyai beberapa keistimewaan sehingga ia menjadi tumpuan dan rujukan kebanyakan umat Islam seluruh dunia. Antara keistimewaannya adalah isi kandungannya yang menyeluruh dan mencakupi hampir seluruh persoalan agama. Manakala hadith-hadithnya pula kebanyakannya adalah hadith yang paling sahih selain dari hadith-hadith sahih. Hadith-hadith tersebut dikumpulkan daripada beberapa buah kitab hadith yang muktabar terutama *Kutub Sittah* dan lain-lain. Di samping itu metod penulisan dan penyusunan kitab yang digunapakai oleh al-Hafiz Ibn Hajar juga amat menarik kerana mengikut metode penulisan hadith. Kelebihan dan keistimewaan ini diakui dan diterima oleh semua ulama` tanpa mengira aliran mazhab sehingga kitab beliau ini digelar sebagai *Qamus al-Sunnah*. Hasilnya lahirlah berpuluh-puluh syarah kepada kitab ini yang dihasilkan oleh ulama dahulu dan juga ulama semasa. Antara yang paling masyhur adalah *Subul al-Salam* karya Muhammad bin Ismail al-San`ani. Ia merupakan kitab hadith tematik yang memuat hadith-hadith pilihan yang dijadikan sumber pengambilan hukum fiqh. Kitab ini menjadi rujukan utama pencinta al-Sunnah khususnya bagi Mazhab al-Syafi'i.

Kitab ini memuat sekitar 1500 [22] hadith-hadith pilihan berkaitan dengan hukum fiqh dan adab. Di penghujung hadith, al-Hafiz Ibn Hajar menyatakan sumber asal hadith dan kadang-kadang beliau menyatakan status hadith serta *illat* atau justifikasinya sekiranya hadith tersebut daif. Kebanyakan hadith yang dimuat di dalamnya menjadi asas kepada setiap persoalan fiqh terutamanya dalam mazhab al-Syafi'i. Selain menyebutkan sumber asal hadith, Ibn Hajar juga memasukkan beberapa riwayat hadith lainnya yang datang dari jalur atau sanad yang berbeza untuk tujuan perbandingan. Metode yang digunakan oleh Ibn Hajar dalam menyusun kitab ini ialah metod tematik (*maudu'i*), iaitu berdasarkan abwab al-Fiqh atau tema-tema fiqh, bermula dari *Kitab* Bersuci (*Taharah*) dan berakhir dengan Kitab al-Jami` (Kitab

[21] Shams al-Din al-Sakhawi 1999. *al-Jawahir wa al-Durar fi Tarjamah Syaikhul Islam Ibn Hajar*, Tahqiq Ibrahim Bajis Abd al-Hamid, Beirut, Dar Ibn Hazm, 1:101-118. Al-Syaukani 1348H. *al-Badr al-Tali` bi Mahasin Man Ba`d al-Qarn al-Sabi`*, Kaherah, Matba`ah al-Sa`adah, 1:78-92.
[22] Ada yang mengatakan 1576, 1569, 1596 hadith dan lain-lain. Perbezaan ini berpunca daripada perbezaan kaedah dan cara menghitung hadith selain dari perbezaan cetakan.

Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah
Vol. 17, No. 2, (2021), pp. 20-44
ISSN: 1823-4356 | eISSN: 2637-0328
Submission date: 6 September 2021
Accepted date: 11 October 2021

Kompilasi). Kitab `al-Nikah` merupakan Kitab yang kelapan daripada enam belas 'Kitab'. Sebelumnya adalah 'Kitab al-Buyu' dan selepasnya 'Kitab al-Jinayah'. Kemudian al-Hafiz Ibn Hajar membahagikan 'Kitab al-Nikah` ini kepada 15 'bab', iaitu sub topik bermula dengan 'Bab al-Nikah' dan berakhir dengan 'Bab al-Hadanah'. Setiap 'bab' dimuatkan beberapa hadith mengikut kesesuaian dan jumlah keseluruhan hadith dalam Kitab al-Nikah ialah 201 hadith termasuk 13 hadith yang berulang. Beliau membuang sanad hadith (*ta'liq*) kecuali pada peringkat sahabat atau tabi`in. Kadang-kadang disertakan jalur-jalur periwayatan hadith secara ringkas dan menyebut lafaz-lafaz tambahan dari riwayat lain serta menjelaskan statusnya. Jika terdapat hadith daif, beliau akan menjelaskan kedaifannya. Sebagai sokongan kepada hadith utama, beliau menyertakan keterangan ringkas dengan hanya menyebut sanad saja tanpa mengulang matan hadith. Ibn Hajar menggunakan istilah tertentu dalam penyebutan sumber hadith (mukharrij) seperti (رواه) atau (أخرجه). Beliau juga menggunakan simbol tertentu untuk merujuk kepada sumber ambilan hadith seperti الثلاثة، الأربعة، الخمسة، الستة الشيخان dan lain-lain.

## 3. HASIL KAJIAN

Berikut adalah jadual bilangan hadith Kitab al-Nikah, Bab, Sumber, Status dan Perawi:

| Bil | Pangkal hadith | Bab | Sumber | Status | Perawi |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ | Al-Nikah | B/ M | Sahih | Ibn Masعud ra |
| 2 | لَكِنِّي أَنَا أُصَلِّي وَأَنَامُ وَأَصُومُ | " | B/M | Sahih | Anas ra |
| 3 | كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَأْمُرُنَا بِالْبَاءَةِ، | " | AH/IBH | Sahih | Anas ra |
| 4 | كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَأْمُرُنَا بِالْبَاءَةِ، | " | AD/N | Sahih | Ma`qil ra |
| 5 | تُنْكَحُ الْمَرْأَةُ لِأَرْبَعٍ: لِمَالِهَا، | " | B/M | Sahih | Abu Hurairah ra |
| 6 | كَانَ إِذَا رَفَّأَ إِنْسَانًا إِذَا تَزَوَّجَ قَالَ: بَارَكَ اللَّهُ لَكَ وَبَارَكَ عَلَيْكَ | " | AH/AD/T/IM/N/IBH/ IKZ | Sahih | Abu Hurairah ra |
| 7 | عَلَّمَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ التَّشَهُّدَ فِي الْحَاجَةِ | " | AH/AD/T/IM/N/HA | Sahih | Ibn Masud ra |
| 8 | إِذَا خَطَبَ أَحَدُكُمُ الْمَرْأَةَ فَإِنِ اسْتَطَاعَ | " | AH/AD/HA | Hasan | Jabir ra |
| 9 | إِذَا خَطَبَ أَحَدُكُمُ الْمَرْأَةَ فَإِنِ اسْتَطَاعَ أَنْ يَنْظُرَ مِنْهَا | " | T/N | Sahih | Al-Mughirah bin Syu`bah ra |
| 10 | إِذَا خَطَبَ أَحَدُكُمُ الْمَرْأَةَ فَإِنِ اسْتَطَاعَ أَنْ يَنْظُرَ مِنْهَا | " | IM/IBH | Sahih | Muhammad Maslamah ra |

معالم القرآن والسنة
MA^CALIM AL-QURAN WA AL-SUNNAH

*Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*
Vol. 17, No. 2, (2021), pp. 20-44
ISSN: 1823-4356 | eISSN: 2637-0328
Submission date: 6 September 2021
Accepted date: 11 October 2021

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 11 | قَالَ لِرَجُلٍ تَزَوَّجَ امْرَأَةً: .أَنَظَرْتَ | " | M | Sahih | Abu Hurairah ra |
| 12 | لا يَخْطُبُ أَحَدُكُمْ عَلَى خِطْبَةِ أَخِيهِ حَتَّى يَتْرُكَ الْخَاطِبُ | " | M/B | Sahih | Ibn Umar ra |
| 13 | يَا رَسُولَ اللَّهِ جِئْتُ أَهَبُ لَكَ نَفْسِي، | " | M/B | Sahih | Sahl Bin Sa`d ra |
| 14 | مَا تَحْفَظُ؟ قَالَ: سُورَةَ الْبَقَرَةِ وَالَّتِي | " | SB | Daif | Abu Hurairah ra |
| 15 | أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: اعْلِنُوا النِّكَاحَ | " | AH/HA | Sahih | Al-Zubair ra |
| 16 | لا نِكَاحَ إِلَّا بِوَلِيٍّ | " | AH/AD/T/N/IM | Sahih | Abu Musa ra |
| 17 | لاَ نِكَاحَ إِلَّا بِوَلِيٍّ وَشَاهِدَيْنِ | " | AH | Sahih | Imran ra |
| 18 | أَيُّمَا امْرَأَةٍ نَكَحَتْ بِغَيْرِ إِذْنِ وَلِيِّهَا | " | AD/T/IM | Hasan | A`isyah ra |
| 19 | لا تُنْكَحُ الأَيِّمُ حَتَّى تُسْتَأْمَرَ وَلا | " | B/M | Sahih | Abu Hurairah ra |
| 20 | الثَّيِّبُ أَحَقُّ بِنَفْسِهَا مِنْ وَلِيِّهَا، | " | M | Sahih | Ibn Abbas ra |
| 21 | :لا تُزَوِّجُ الْمَرْأَةُ الْمَرْأَةَ، وَلا | " | IM/DQ | Sahih | Abu Hurairah ra |
| 22 | نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَنِ الشِّغَارِ | " | B/M | Sahih | Ibn Umar ra |
| 23 | أَنَّ جَارِيَةً بِكْرًا أَتَتِ النَّبِيَّ ﷺ ذَكَرَتْ | " | AH/AD/IM | Sahih | Ibn Abbas ra |
| 24 | أَيُّمَا امْرَأَةٍ زَوَّجَهَا وَلِيَّانِ فَهِيَ ل | " | AD/T/IM/N | Sahih | Samurah ra |
| 25 | أَيُّمَا عَبْدٍ تَزَوَّجَ بِغَيْرِ إِذْنِ مَوَالِيهِ أ | " | AH/AD/T/IBH | Sahih | Jabir ra |
| 26 | لا يُجْمَعُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَعَمَّتِهَا، وَلا | " | B/M | Sahih | Abu Hurairah ra |
| 27 | لا يَنْكِحُ الْمُحْرِمُ وَلا يُنْكِحُ | " | M | Sahih | Uthman ra |
| 28 | تَزَوَّجَ النَّبِيُّ ﷺ مَيْمُونَةَ وَهُوَ | " | B/M | Sahih | Ibn Abbas ra |
| 29 | أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ تَزَوَّجَهَا وَهُوَ حَلالٌ | " | M | Sahih | Maimunah ra |
| 30 | إِنَّ أَحَقَّ الشُّرُوطِ أَنْ يُوَفَّى بِهِ مَا | " | B/M | Sahih | Uqbah ra |
| 31 | رَخَّصَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَامَ أَوْطَاسٍ فِي الْمُتْعَةِ | " | M | Sahih | Salamah al-Akwa` ra |
| 32 | نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَنِ الْمُتْعَةِ عَامَ | " | B/M | Sahih | Ali Abi Talib ra |

MAᶜALIM AL-QURAN WA AL-SUNNAH

*Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*
Vol. 17, No. 2, (2021), pp. 20-44
ISSN: 1823-4356 I eISSN: 2637-0328
Submission date: 6 September 2021
Accepted date: 11 October 2021

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 33 | أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ نَهَى عَنْ مُتْعَةِ النِّسَاءِ | " | B/M/T/N/IM/AH/DAR | Sahih | Ali Abi Talib ra |
| 34 | إِنِّي كُنْتُ أَذِنْتُ لَكُمْ فِي الاِسْتِمْتَاعِ مِنَ النِّسَاءِ | " | M/AD/N/IM/IBH | Sahih | Rabi` bin Saburah ra |
| 35 | لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الْمُحَلِّلَ | " | T/N/AH | Sahih | Ibn Masud ra |
| 36 | لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الْمُحَلِّلَ | " | T/AD/N | Hasan | Ali Abi Talib ra |
| 37 | لا يَنْكِحُ الزَّانِي الْمَجْلُودُ إِلَّا مِثْلَهُ | " | AH/AD | Hasan | Abu Hurairah ra |
| 38 | طَلَّقَ رَجُلٌ امْرَأَتَهُ ثَلاثًا فَتَزَوَّجَهَا | " | B/M | Sahih | A`isyah ra |
| 39 | الْعَرَبُ بَعْضُهُمْ أَكْفَاءُ بَعْضٍ، وَالْمَوَالِي بَعْضُهُمْ أَكْفَاءُ بَعْضٍ | al-Kafa`ah wa al-Khiyar | BQ | Maudu` | Ibn Umar ra |
| 40 | الْعَرَبُ بَعْضُهُمْ أَكْفَاءُ بَعْضٍ، | " | BZR | Daif | Muaz bin Jabal ra |
| 41 | قَالَ لَهَا: انْكِحِي أُسَامَةَ | " | M | Sahih | Fatimah binti Qais ra |
| 42 | يَا بَنِي بَيَاضَةَ أَنْكِحُوا أَبَا هِنْدٍ | " | AD/HK | Hasan | Abu hurairah ra |
| 43 | خُيِّرَتْ بَرِيرَةُ عَلَى زَوْجِهَا حِينَ | " | B/M | Sahih | A`isyah ra |
| 44 | يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي أَسْلَمْتُ وَتَحْتِي أُخْتَانِ | " | AH/AD/T/IM | Hasan | Fairuz al-Dailamy ra |
| 45 | أَنَّ غَيْلَانَ بنَ سَلَمَةَ أَسْلَمَ وَلَهُ عَشْرُ | " | AH/T/IHB/HK | Sahih | Ibn Umar ra |
| 46 | رَدَّ النَّبِيُّ ﷺ ابْنَتَهُ زَيْنَبَ عَلَى | " | AH/T/AD/IM/HK | Sahih | Ibn Abbas ra |
| 47 | أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ رَدَّ ابْنَتَهُ زَيْنَبَ عَلَى أَبِي الْعَاصِ بِنِكَاحٍ جَدِيدٍ | " | T/IM | Daif | Amru bin Syu`aib ra |
| 48 | أَسْلَمَتِ امْرَأَةٌ فَتَزَوَّجَتْ، فَجَاءَ | " | AH/AD/IM | Hasan | Ibn Abbas ra |
| 49 | تَزَوَّجَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الْعَالِيَةَ مِنْ | " | HK/AH | Daif | Ka`b bin Ujrah ra |
| 50 | أَيُّمَا رَجُلٍ تَزَوَّجَ امْرَأَةً فَدَخَلَ بِهَا فَوَجَدَهَا بَرْصَاءَ أَوْ مَجْنُونَةً | " | SAID/MM/SYA | Daif | Umar al-Khattab ra |
| 51 | وَبِهَا قَرَنٌ، فَزَوْجُهَا بِالْخِيَارِ. فَإِنْ مَسَّهَا فَلَهَا الْمَهْرُ | " | SAM | Daif | Ali Abi Talib ra |

*Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*
Vol. 17, No. 2, (2021), pp. 20-44
ISSN: 1823-4356 I eISSN: 2637-0328
Submission date: 6 September 2021
Accepted date: 11 October 2021

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 52 | قَضَى عُمَرُ فِي الْعِنِّينِ أَنْ يُؤَجَّلَ | " | SAM | Daif | Umar ra |
| 53 | مَلْعُونٌ مَنْ أَتَى امْرَأَةً فِي دُبُرِهَا | `Isyrat al-Nisa` | AD/N | Hasan | Abu Hurairah ra |
| 54 | لا يَنْظُرُ اللَّهُ الَى رَجُلٍ أَتَى رَجُلًا أَوِ | " | T/N/IBH | Hasan | Ibn Abbas ra |
| 55 | مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ فَلا يُؤْذِ جَارَهُ، وَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا | " | B/M | Sahih | Abu hurairah ra |
| 56 | فَلَمَّا قَدِمْنَا الْمَدِينَةَ ذَهَبْنَا لِنَدْخُلَ. فَقَالَ | " | B/M | Sahih | Jabir ra |
| 57 | إِنَّ شَرَّ النَّاسِ عِنْدَ اللَّهِ مَنْزِلَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ الرَّجُلُ | " | M | Sahih | Abu Said al-Khudri ra |
| 58 | يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا حَقُّ زَوْجِ أَحَدِنَا عَلَيْهِ | " | AH/AD/N/IM | Sahih | Muawiyah bin Hidah ra |
| 59 | إِذَا أَتَى الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ مِنْ دُبُرِهَا فِي | " | B/M | Sahih | Jabir ra |
| 60 | لَوْ أَنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَأْتِيَ أَهْلَهُ، قَالَ: بِسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ | " | B/M | Sahih | Ibn Abbas ra |
| 61 | إِذَا دَعَا الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ إِلَى فِرَاشِهِ فَأَبَتْ أَنْ تَجِيءَ | " | B/M | Sahih | Abu Hurairah ra |
| 62 | أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ لَعَنَ الْوَاصِلَةَ وَالْمُسْتَوْصِلَةَ | " | B/M | Sahih | Ibn Umar ra |
| 63 | حَضَرْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فِي أُنَاسٍ وَهُوَ يَقُولُ: لَقَدْ هَمَمْتُ | " | M | Sahih | Juzamah Binti Wahb ra |
| 64 | يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ لِي جَارِيَةً وَأَنَا أَعْزِلُ عَنْهَا وَأَنَا أَكْرَهُ أَنْ تَحْمِلَ | " | AH/AD/N | Hasan | Abu Said al-Khudri ra |
| 65 | كُنَّا نَعْزِلُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَالْقُرْءَانُ يَنْزِلُ | " | B/M | Sahih | Jabir ra |
| 66 | أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَطُوفُ عَلَى نِسَائِهِ بِغُسْلٍ وَاحِدٍ | " | B/M | Sahih | Anas bin Malik ra |

معالم القرآن والسنة
MAᶜALIM AL-QURAN WA AL-SUNNAH

*Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*
Vol. 17, No. 2, (2021), pp. 20-44
ISSN: 1823-4356 | eISSN: 2637-0328
Submission date: 6 September 2021
Accepted date: 11 October 2021

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 67 | عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ أَعْتَقَ صَفِيَّةَ وَجَعَلَ عِتْقَهَا صَدَاقَهَا | al-Sadaq | B/M | Sahih | Anas bin Malik ra |
| 68 | سَأَلْتُ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا كَمْ كَانَ صَدَاقُ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ | " | M | Sahih | Abu Salamah ra |
| 69 | لَمَّا تَزَوَّجَ عَلِيٌّ فَاطِمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ | " | AD/N/HA | Sahih | Ibn Abbas ra |
| 70 | أَيُّمَا امْرَأَةٍ نُكِحَتْ عَلَى صَدَاقٍ أَوْ حِبَاءٍ أَوْ عِدَةٍ قَبْلَ عِصْمَةِ النِّكَاحِ | " | AH/AD/IM/N | Hasan | Amru bin Syuaib ra |
| 71 | أَنَّهُ سُئِلَ عَنْ رَجُلٍ تَزَوَّجَ امْرَأَةً | " | AH/AD/T/IM/N | Sahih | Ibn Masud ra |
| 72 | مَنْ أَعْطَى فِي صَدَاقِ امْرَأَةٍ سَوِيقًا | " | AD | Daif | Jabir ra |
| 73 | أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجَازَ نِكَاحَ امْرَأَةٍ عَلَى نَعْلَيْنِ | " | T | Hasan | Abdullah bin Amir ra |
| 74 | زَوَّجَ النَّبِيُّ ﷺ رَجُلًا امْرَأَةً بِخَاتَمٍ | " | HA | Sahih | Sahl bin Sa`d ra |
| 75 | لا يَكُونُ الْمَهْرُ أَقَلَّ مِنْ عَشَرَةٍ | " | DQ | Daif | Ali ra |
